

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 3 OKTOBER 2013
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

KATA-KATA ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat warga UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

Istiadat Konvokesyen Ke-8 UniMAP

2. Alhamdulillah, telah selesai Istiadat Konvokesyen Ke-8 UniMAP, saya bersyukur semua yang dirancangkan telah

berjalan dengan lancar, setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua jawatankuasa yang telah bertungkus lumus bekerja keras sepanjang Istiadat berlangsung. Saya amat berbangga kerana pada Konvokesyen Ke-8 ini kita telah berjaya menghasilkan seramai 1,894 graduan dan difahamkan hampir 60 peratus daripadanya telah menerima tawaran kerja meskipun belum menamatkan pengajian mereka. berikan tepukan gemuruh kepada semua graduan dan warga UniMAP. Semoga mereka akan menjadi graduan yang berguna untuk nusa dan bangsa.

Hadirin dan hadirat sekalian

Anugerah BIZZ 2013

3. Saya baru sahaja pulang dari Dubai, Emiriah Arab Bersatu dan pada pagi ini ingin saya berkongsi detik manis bersama seluruh warga UniMAP. Alhamdulillah, UniMAP sekali lagi telah menerima anugerah Perniagaan paling berprestij iaitu THE BIZZ 2013 daripada World Confederation of Businesses (WORLDCOB) di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

4. WORLDCOB adalah sebuah peneraju organisasi perniagaan yang berpusat di Houston, Texas khusus bagi memupuk pembangunan dan pertumbuhan lebih 3000 syarikat dari 80 negara. Organisasi ini mengiktiraf dan merangsang pertumbuhan syarikat yang paling menyerlah dan juga ahli

perniagaan, disamping mempromosi tanggungjawab sosial korporat

5. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan besar kepada UniMAP di atas kerja keras kita semua selama ini untuk menempatkan UniMAP di arena global dan saya sebagai Naib Canselor amat berbangga melihat UniMAP setanding dengan syarikat-syarikat global yang lain bagi menerima pengiktirafan yang hebat ini.
6. Saya kira lebih manis lagi apabila saya sebagai Naib Canselor UniMAP turut dianugerahkan dua anugerah iaitu World Business Leader dan World Leader Business Person yang disampaikan oleh Jeneral Konsulat Malaysia di UAE, Dato' Ahmad Fadhil Shamsuddin. Apa yang UniMAP dan saya perolehi ini merupakan hasil kerjasama dari semua warga UniMAP, setinggi-tinggi tahniah dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada anda semua.
7. Untuk makluman hadirin sekalian, untuk meraih anugerah ini, UniMAP telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian WORLDCOB iaitu badan autonomi yang terdiri daripada sekumpulan profesional yang mempunyai kepakaran yang berbeza dalam dunia perniagaan berdasarkan keputusan dalam aspek seperti, Kepimpinan Perniagaan,Sistem Pengurusan, Kualiti Barang

atau Perkhidmatan, Inovasi dan Kreativiti Perniagaan, Tanggungjawab Sosial Korporat serta Pengiktirafan dan Pencapaian.

8. InsyaAllah, saya yakin dengan penerimaan anugerah ini, kita akan meningkatkan lagi semangat untuk UniMAP meneruskan usaha dan membangun sebagai sebuah syarikat serta meningkatkan hubungan komersial dan menjana lebih banyak peluang perniagaan disamping meningkatkan imej korporatnya di mata dunia.

Hadirin dan hadirat sekalian

Majlis Menandatangani MoA antara UniMAP dan UMKC

9. Baru-baru ini, UniMAP telah mengukuhkan kerjasama strategik di persada antarabangsa apabila memeterai perjanjian dengan University Of Missouri Kansas City (UMKC) dalam bidang inovasi dan keusahawanan.

10. Kita berharap menerusi perjanjian tersebut, kita berharap akan dapat meraih sebanyak mungkin pengalaman yang dimiliki oleh UMKC yang merupakan antara universiti terbaik di Amerika Syarikat.

11. Sebenarnya kerjasama antara UniMAP dan UMKC telah terjalin sejak dua tahun yang lalu namun inisiatif mengeratkan

hubungan susulan kejayaan kursus jangka pendek PC-Bite yang dianjurkan di Amerika Syarikat dua bulan lalu.

12. Perjanjian tersebut dibuat bersempena dengan Program **“Satu Juta Teh Tarik”** yang baru-baru ini diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Program selama sehari itu merupakan program pertukaran dan perkongsian ilmu keusahawanan secara santai yang memberi peluang kepada para usahawan tempatan membentangkan pengalaman perniagaan mereka kepada para pelajar, usahawan, pelabur-pelabur dan masyarakat tempatan.
13. Ianya merupakan salah satu sampel program yang telah dijalankan oleh Kauffman Foundation dengan kerjasama Bloch School of Management, UMKC bagi membangunkan program-program usahawan. Program ini telah berjaya mengubah Kansas City menjadi sebuah Bandar Keusahawanan.
14. Antara tokoh yang hadir berkongsi pengalaman ialah anak jutawan kosmetik Datuk Sosilawati Lawiya, Erni Dekritawati Yuliana Buhari yang pada ketika ini meneruskan legasi perniagaan Nouvelle Beauty Centre.

15. Alhamdulillah, pada MoA itu juga pihak UMKC telah menyatakan hasrat untuk memberikan penekanan terhadap program Malaysian-American Graduate Trade Programme (MAGTrade) yang akan memberi fokus kepada graduan dari kedua-dua universiti mengikuti kursus jangka pendek dalam bidang-bidang yang telah dikenalpasti.

Hadirin dan hadirat sekalian

Green Campus UniMAP

16. Sebagaimana kita semua sedia maklum, UniMAP berhasrat menjadi sebuah kampus lestari. Banyak program telah dijalankan, dan pada pagi ini, sukacita ingin saya maklumkan bahawa Pasukan Pengurusan Tenaga Projek Kampus Lestari dan Jabatan Pembangunan telah berjaya menjimatkan bil elektrik sebanyak sekitar RM39,000 sebulan mulai Mei 2013.

17. Usaha ini diketuai Dr. Samila Mat Zali dari PPK Sistem Elektrik dan En Saifol Nizal Sharif dari Jabatan Pembangunan. Ia dilakukan dengan pemasangan **chiller** secara berperingkat di Kampus Pauh Putra. Amalan sebelum ini adalah pemasangan **chiller** secara serentak, yang menyebabkan nilai '**peak demand**' menjadi tinggi. Dengan pemasangan berperingkat, maka '**peak demand**' menjadi lebih rendah, sehingga penjimatan sebanyak RM9700 seminggu, atau RM39,000 sebulan tercapai. Tahniah diucapkan kepada

Pasukan Pengurusan Tenaga Kampus Lestari dan Jabatan Pembangunan.

Hadirin dan hadirat sekalian

MAKLUMAN PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG

12th Asian University Presidents Forum (AUPF)

18. Saya pasti kita telah mengetahui yang UniMAP akan menjadi Tuan Rumah untuk ***12th Asian University Presidents Forum (AUPF)*** bermula 6 hingga 9 Oktober 2013. Forum ini akan berlangsung di Langkawi dan Perlis. Ia merupakan penganjuran buat pertama kalinya di Malaysia dan bakal menghimpunkan seramai lebih 140 Naib-naib Canselor, Presiden dan pegawai-pegawai kanan universiti seluruh Asia. Kita sebagai warga UniMAP seharusnya berbangga kerana diberikan kepercayaan untuk menganjurkan seminar yang berprestij ini.

19. Lebih menarik lagi, Mantan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan Ucaptama sempena Majlis Perasmian yang akan diadakan di Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Pauh Putra pada 7 Oktober ini.

20. Di sini saya ingin mengambil kesempatan menyeru kepada semua warga UniMAP agar turut sama memberi sokongan pada pagi 7 Oktober ini supaya beramai-ramai menghadirkan diri pada Majlis Perasmian 12th Asian University Presidents Forum. Semoga dengan kehadiran anda semua akan memeriahkan lagi perasmian tersebut serta dapat menaikkan imej kita di kalangan para peserta forum. Marilah kita bersama-sama mendoakan agar AUPF 2013 ini akan berjalan dengan lancar.

PENUTUP

21. Rasanya tidak perlu untuk saya berucap dengan lebih panjang lagi, semoga apa yang saya sampaikan pada pagi ini akan menjadi iktibar serta dapat meningkatkan semangat kita semua bagi mengharumkan nama UniMAP di masa akan datang. Saya sudahi ucapan saya dengan serangkap pantun:-

***Makan Nasi Berulam Cekur
Cekur Dicari Di Gunung Daik
AUPF 2013 Kayu Pengukur
Semoga UniMAP Menjadi Yang Terbaik***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.